

# AS cabul konsep negara bebas

— 7 JAN 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid

KUALALUMPUR, Isnin — Bantahan Presiden Amerika Syarikat, George Bush, terhadap cadangan penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) menunjukkan kuasa besar itu mencabul konsep negara bebas dan merdeka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Amerika yang menonjolkan imej yang memperjuangkan hak asasi manusia dan kebebasan tidak menghormati pendirian negaralain, terutama Dunia Ketiga membuat keputusan sendiri.

"Kalau kita bercakap mengenai hak asasi manusia, kebebasan dan kemerdekaan, ini (sikap Amerika) nampak tidak menghormati negara-negaralain untuk membuat keputusan sendiri.

"Sudah tentu pendirian (Presiden Bush) ini bukan setakat mulut saja. Kalau kita buat jaga (menubuhkan EAEC), mungkin ada tindakan tertentu akan diambil. Ini bermakna konsep negara bebas merdeka sudah dicabul," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penganalisisan Projek dan Pengurusan Berisiko di Bank Negara disini, hari ini.

Kelmarin, Presiden Bush yang dalam lawatannya ke Singapura menyua-

takan penubuhan EAEC holeh menyebabkan perpecahan dalam pembahagian blok perdagangan antarabangsa, sebaliknya penubuhan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) yang diterajui Amerika Syarikat akan menggalakkan perdagangan bebas.

Ditanya sama ada kenyataan Presiden Bush dan cadangan penubuhan EAEC akan dibincangkan dalam mesyuarat ketua kerajaan Asean di Sidang Puncak Asean di Singapura akhir bulan ini, Perdana Menteri berkata: "Kita akan sebut perkara ini."

Mengenai pemindahan pasukan pemerintah logistik Amerika Syarikat dari Pangkalan Laut Subic di Filipina ke Singapura, Perdana Menteri berkata: "Setakat yang kita tahu, bukan pangkalan tentera yang mereka nak adakan. Cuma tempat menyelenggara dan membaik pulih alat peperangan dan kapal."

Katanya, janji asal Singapura kepada Malaysia ialah pangkalan Amerika itu tidak sama seperti Pangkalan Laut Subic atau Pangkalan Udara Clarke di Filipina yang dijadikan pangkalan angkatan tentera.

Ditanya kemungkinan Amerika Syarikat menja-

dikan Singapura sebagai pangkalan tenteranya, beliau menjelaskan, pangkalan sedemikian tidak perlu wujud di sana.

Mengenai kemungkinan Singapura melanggar perjanjian dengan Malaysia dan negara Asean lain berhubung kehadiran tentera Amerika di rantau ini, Perdana Menteri berkata: "Kerajaan Singapura tidak melanggar apa-apa yang ia sudah jelaskan kepada kita."

Pada November 1990, Singapura dan Amerika mewujudkan persefahaman bahawa republik itu akan menyediakan pangkalan kepada tentera Amerika untuk memperbaiki peralatan dan kapal saja dan bukannya sebagai markas tentera.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak menganggap kehadiran tentera Amerika di Singapura sebagai pemindahan pasukan pemerintah dari Filipina kerana pangkalan yang ditawarkan itu untuk menyelenggara dan memperbaiki kemudahan serta kapal mereka.

"Ia bukan struktur pasukan pemerintah. Itulah yang kita faham daripada apa yang dikatakan oleh Kerajaan Singapura, iaitu tidak akan ada satu iku pejabat tentera Amerika Syarikat untuk menjalankan operasi," katanya